

# Tak campur hal politik



Khalid menyampaikan anugerah kepada anggota Suksis terbaik di UTHM, semalam.

■ KAMARUL HALIM M KAMAL

**BATU PAHAT** – Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar menegaskan pihaknya tidak akan sesekali mencampuri urusan parti politik dalam negara, termasuklah urusan dalaman parti berkenaan.

Sebaliknya, polis tetap akan memantau setiap kenyataan yang berbau hasutan termasuklah usaha untuk menggulingkan kerajaan terutamanya yang tidak mengikut lunas undang-undang.

Beliau berkata, pihaknya tidak akan berkompromi dengan mereka yang cuba menghasut untuk mengguling kerajaan dengan menggunakan saluran yang tidak betul.

“Kami memang sedia maklum yang kerajaan hanya mampu digulingkan mengikut dua cara iaitu undi tidak percaya di Parlimen dan undian semasa PRU.

“Jika di luar dari itu, polis akan masuk campur dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya mengikut undang-undang yang telah ditetapkan,” katanya. Beliau

“**Kami memang sedia maklum yang kerajaan hanya mampu digulingkan mengikut dua cara iaitu undi tidak percaya di Parlimen dan undian semasa PRU.**” - Khalid

berkata sedemikian dalam sidang media selepas merasmikan perbarisan tamat latihan Kor Suksis Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Semalaysia ke-11 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Seramai 1,026 pelatih Kor Suksis menerima sijil tamat latihan pada majlis berkenaan.

Dalam pada itu, Khalid turut menegur pihak penganjur perhimpunan Bersih 4.0 yang dilihat mempunyai niat yang menuju ke arah untuk menggulingkan kerajaan sekarang ini.

“Saya nak ingatkan penganjur Bersih ini, jika mereka ada ke arah untuk menggulingkan kerajaan di jalan raya, polis akan mengambil tindakan yang sewajarnya,” katanya.